

Sarawak catat korban pertama banjir

Kuching: Sarawak mencatatkan korban pertama banjir selepas seorang pemuda dihanyutkan arus deras ketika meredah banjir untuk pulang ke rumahnya di Kampung Maan, Padawan, malam kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 9 malam itu, Judus Jalina (**gambar**), 20, bersama beberapa rakan cuba menyeberang jalan yang ditenggelami air sebelum terjatuh dan dihanyutkan arus deras, manakala seorang rakanannya sempat berpaut pada dahan pokok.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak, Farhan Sufyan Borhan, berkata pasukan penyelamat menghadapi kesukaran untuk melaksanakan gerakan mencari dan menyelamatkan (SAR) pada malam kejadian berikutan arus kuat, selain cuaca gelap.

“Operasi SAR hanya dapat dimulakan pada jam 8 pagi tadi (semalam) membabitkan kerjasama beberapa agensi berkaitan, termasuk Jabatan Pertahanan Awam (JPAM). Bagaimanapun, sehingga jam 4 petang tadi (semalam), mangsa masih gagal ditemui sebelum pencarian disambung semula esok (hari ini),” katanya ketika dihubungi, malam tadi.

Sementara itu, Farhan berkata, keadaan banjir yang melanda beberapa bahagian di negeri ini semakin buruk dengan pertambahan jumlah mangsa di pusat pemindahan.

“Keadaan hujan yang berterusan sejak dua hari lalu menyebabkan paras air sungai



Untuk video, layari www.bharian.com.my



meningkat, selain fenomena air pasang besar hari ini (semalam) yang merekodkan bacaan 5.7 meter, sekali gus menyebabkan keadaan banjir bertambah buruk.

Air sungai terus naik

“Malah, jumlah mangsa banjir dan pusat pemindahan, teru-

tama di kawasan tebing Sungai Sarawak dijangka terus meningkat berikutan air sungai semakin menaik,” katanya.

Sehingga jam 7 malam tadi, seramai 5,362 mangsa daripada 1,470 keluarga dipindahkan ke 31 pusat pemindahan di Kuching, Serian dan Kota Samarahan.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah ketika dihubungi memaklumkan beberapa sekolah rendah dan sekolah menengah di tiga daerah membabitkan Bau, Padawan dan Serian dikenal pasti terjejas akibat banjir, selain dijadikan sebagai pusat pemindahan.

“Sehingga jam 5 petang ini (semalam), sejumlah 20 sekolah rendah dan sekolah me-

Penduduk menaiki bot untuk ke **pusat pemindahan banjir** di Dewan Batu Kitang.
[FOTO CHE RANI CHE DIN/BH]

nengah di ketiga-tiga daerah itu terjejas akibat banjir sama ada dinaiki air dan terputus hubungan disebabkan laluan utama ke sekolah ditenggelami air.

“Enam sekolah dijadikan sebagai pusat pemindahan mangsa banjir iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) St Peter, SK George dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Kawa di Padawan, manakala SK Tanah Merah dan SMK Tebakang bagi daerah Serian, selain SK Siniawan di Bau,” katanya.

Bagaimanapun, Fatimah yang turut bertanggungjawab terhadap portfolio pendidikan negeri memaklumkan bahawa keputusan untuk menutup sekolah berkenaan belum dibuat sehingga mendapat laporan daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).